

Malaysia utama permintaan Bangladesh sedia peluang kerja

Dhaka: Malaysia akan memberi pertimbangan utama kepada permohonan pekerja Bangladesh yang kehilangan peluang pekerjaan akibat perkembangan politik di negara mereka, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Bangladesh membuat rayuan kepada Malaysia berhubung kemungkinan menambah pengambilan pekerja dan golongan profesional dari negara berkenaan.

"Sudah pasti saya akan memberikan pertimbangan utama itu, sekurang-kurangnya pada fasa pertama, tertakluk pada semua syarat dipenuhi, perkara ini boleh dilaksanakan secepat mungkin," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang media bersama Ketua Penasihat Kerajaan Sementara Bangladesh, Dr Muhammad Yunus, selepas mengadakan pertemuan dua hala di

sini kelmarin.

Anwar melakukan lawatan sehari dan yang pertama oleh ketua kerajaan asing sejak pembentukan kerajaan interim yang diketuai Muhammad yang juga pemenang Hadiah Nobel.

Mengenai pelaburan, Anwar berkata, kedua-dua negara perlu memberi tumpuan dan keutamaan kepada syarikat pelaburan serta memastikan sebarang masalah ditangani dengan pantas dan secara telus.

"Di Malaysia, fokus kami ialah tadbir urus, antirasuah dan asas ekonomi, kami tidak berkompromi terhadap hal ini kerana kami tidak perlu mengaitkan pemimpin politik dengan pengumpulan kekayaan yang memanfaatkan diri, keluarga atau kroninya.

"Justeru, saya faham walaupun kami mahu syarikat Malaysia beroperasi di sini (Bangladesh) diberi pertimbangan sewajarnya, saya tidak akan ber-



Anwar mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Bangladesh, Mohammed Shahabuddin di Istana Presiden sempena lawatan rasmi ke Bangladesh di Bangabhaban, Dhaka, kelmarin. (Foto BERNAMA)

kompromi terhadap isu ketelusan dan usaha wajar dalam proses ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua negara juga akan melihat kepada usaha meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan tinggi, ekonomi halal dan industri semikonduktor.

"Kita boleh mempercepat run-

dingan dan aturan perdagangan, tetapi yang penting ialah mengadakan mesyuarat suruhanjaya bersama secepat mungkin," kata Anwar sambil menyifatkan Muhammad sebagai insan yang penuh belas kasihan yang dunia perlukan kerana pemenang Hadiah Nobel itu menyentuh hati dan jiwa golongan terpinggir serta kurang bernasib baik.

Sementara itu, Muhammad

berkata, Dhaka menantikan mesyuarat itu pada awal tahun depan untuk meningkatkan perdagangan dua hala.

"Bidang kerjasama masa depan boleh merangkumi kewangan termasuk dana kekayaan negara, dana pencen, dana ekuiti swasta, kesihatan, pendidikan, sains data dan AI (kecerdasan buatan)," katanya.

BERNAMA